

NO. SOALAN: 240

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah yang diberi tanggungjawab untuk menjaga hal ehwal masyarakat India di Jabatan Perdana Menteri menggantikan P. Waythamoorthy yang telah meletak jawatan sebagai Timbalan Menteri. Adakah unit yang diwakilkan itu masih wujud dan apakah fungsinya.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Agenda pembangunan sosioekonomi dan hal ehwal masyarakat India oleh Kerajaan adalah satu usaha berterusan yang dilaksanakan seiring dengan usaha-usaha lain untuk memastikan setiap kaum di negara ini bergerak bersama-sama dalam arus pembangunan negara.

Sejak tahun 2008, satu fokus yang khusus telah diberikan kepada agenda pembangunan kaum India melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Mengenalpasti dan Memantau Penyertaan Masyarakat India di dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan. Jawatankuasa ini adalah ilham YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ketika beliau menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan beliau sendiri telah mengenal pasti pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi kaum India dan melaksanakan pelbagai inisiatif yang baru dan khusus demi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah lama dihadapi serta meningkatkan taraf kehidupan kaum India di Malaysia.

Pelantikan P. Waythamoorthy sebagai Timbalan Menteri adalah untuk menyelaraskan usaha pelaksanaan cadangan di dalam memorandum persefahaman di antara Barisan Nasional dan Hindraf untuk program pembangunan kaum India. Peletakan jawatan Timbalan Menteri oleh P. Waythamoorthy tidak menjelaskan usaha ini sama sekali, malah Kerajaan terus melaksanakan program pembangunan masyarakat

India melalui Jawatankuasa Khas Kabinet di bawah YAB Perdana Menteri.

Demi untuk menunaikan janji kepada masyarakat India, termasuk cadangan di dalam memorandum persefahaman di antara Barisan Nasional dan Hindraf, dan untuk meneruskan usaha-usaha yang dilaksanakan sejak 2009, Jawatankuasa Khas Kabinet Masyarakat India telah memberi keutamaan kepada bidang pendidikan, peluang pekerjaan dan perniagaan serta juga cabaran-cabaran semasa termasuk masalah dokumentasi dan masalah sosial.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Menteri dan Timbalan Menteri dari kaum India dan ketua-ketua jabatan Kerajaan yang berkenaan yang masing-masing diberi bidang tugas dan tanggungjawab tertentu ke arah melaksanakan program-program yang telah dirancang untuk masyarakat India. Beberapa unit khas yang melapor kepada Jawatankuasa Kabinet ini juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyelaras usaha-usaha ini. Ini termasuk Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF) bagi menangani masalah dokumentasi dan membantu meningkatkan peluang pekerjaan, Unit Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah Tamil bagi menangani isu-isu berkaitan sekolah Tamil, Sekretariat Khas Bagi Memperkasakan Usahawan India (SEED) untuk membantu golongan usahawan kaum India dan Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) yang menyemak serta menilai dan memantau pelaksanaan program-program pembangunan sosioekonomi masyarakat India melalui peruntukan kewangan daripada Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

SOALAN : 241

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik perlaksanaan AES pada ketika ini. Berapakah jumlah tindakan yang diperolehi oleh kerajaan dan syarikat penyedia perkhidmatan AES dari tarikh mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2014, sebanyak 1,492,084 saman bagi kesalahan AES telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan jumlah kutipan bayaran saman AES yang telah diterima adalah sebanyak RM58,277,100.00.

Bagi tempoh yang sama, Kerajaan telah membayar fi perkhidmatan (*contract service fee*) kepada syarikat penyedia perkhidmatan AES sebanyak RM41,042,522.00 berpandukan kepada perjanjian antara Kerajaan dengan syarikat penyedia perkhidmatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat meminda Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369) untuk menetapkan 2 hari kelepasan am pengisytiharan bagi perayaan Deepavali yang disambut oleh sebahagian besar daripada kaum India di negara ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berhasrat mengekalkan bilangan hari kelepasan am sedia ada sama ada hari kelepasan am Persekutuan (14-15 hari setahun) atau hari kelepasan am negeri (4-5 hari setahun).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN V. SIVAKUMAR
DARIPADA [BATU GAJAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kos yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk membina bangunan baru SJKT Sangeetha Sabah, Ipoh. Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk memperolehi tanah KTMB yang diduduki oleh sekolah itu untuk diserahkan kepada pentadbiran sekolah berkenaan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum pernah menerima sebarang permohonan berkaitan pembinaan bangunan baharu SJKT Sangeetha Sabah, Ipoh. Namun begitu, KPM akan meneliti dengan lebih lanjut akan perkara ini.

SOALAN (244)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan jumlah kuil yang berdaftar dan tidak berdaftar di negara ini mengikut negeri. Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk membayar gaji sami yang diiktiraf bagi kuil-kuil terpilih melalui satu mekanisme tertentu.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia telah menjalankan satu kajian inventori pada tahun 2009 di mana bilangan kuil adalah sebanyak 1,600 buah. Walau bagaimanapun, maklumat mengenai bilangan kuil yang berdaftar dan tidak berdaftar tiada dalam rekod JPBD Semenanjung Malaysia. Berikut adalah jumlah bilangan kuil mengikut Negeri pada tahun 2009.

Jadual 1 : Bilangan Kuil Mengikut Negeri, 2009

Negeri	Kuil Hindu
Perlis	8
Kedah	94
Pulau Pinang	252
Perak	374
Selangor	456
Kuala Lumpur	72
Negeri Sembilan	88
Melaka	24
Johor	163
Pahang	60
Terengganu	2
Kelantan	7
Jumlah	1,600

Dari segi pembayaran gaji, KPKT telah mendapatkan input daripada Kementerian Sumber Manusia. Berdasarkan input tersebut, kuil-kuil adalah beroperasi atas hasil derma dan pemberian sumbangan ikhlas oleh orang ramai.

Menurut Akta Kerja 1955, “**pekerja**” didefinisi sebagai mana-mana orang atau golongan orang, tidak kira pekerjaannya, yang telah memasuki kontrak perkhidmatan dengan seseorang majikan. Manakala “**majikan**” adalah bererti mana-mana orang yang membuat kontrak perkhidmatan untuk mengambil bekerja mana-mana orang lain sebagai pekerja serta “**kontrak perkhidmatan**” bererti mana-mana perjanjian, sama ada lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat, di mana seseorang bersetuju untuk mengambil bekerja seseorang yang lain sebagai pekerja dan orang yang lain itu bersetuju untuk berkhidmat dengan majikannya sebagai pekerja. Dalam hal ini, sekiranya sami-sami memasuki kontrak perkhidmatan, dia adalah seorang pekerja dan pengurusan kuil adalah sebagai majikan.

Tanggungan untuk membayar gaji atau apa-apa saraan kepada sami-sami kuil adalah atas perundingan antara pihak pengurusan kuil dan sami-sami berkenaan tertakluk kepada peraturan dan perundangan sedia ada dan Kerajaan tiada bertanggungan untuk membayar gaji atau saraan pekerja-pekerja sektor swasta termasuk institusi keagamaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' NGEH KOO HAM
DARIPADA [BERUAS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah murid-murid di persekitaran Changkat Keruing, Daerah Manjung, Perak yang masuk ke sekolah menengah setiap tahun dan bilakah kerajaan akan membina sebuah sekolah menengah di Changkat Keruing di mana tapak sekolah sudah lama disediakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum pernah menerima sebarang permohonan berkaitan pembinaan sekolah baharu di Changkat Keruing, Daerah Manjung, Perak. Namun begitu, KPM akan meneliti dengan lebih lanjut akan perkara ini dan sekiranya terdapat justifikasi kukuh, cadangan pembinaannya akan disenaraikan dalam permohonan RMKe-11 mengikut keutamaan.